

Najib gesa siasat dakwaan pihak sembunyi bukti 1MDB

Um - 28/11/2021 mks: 6

Oleh MASZUREEN HADZMAN
maszureen.hadzman@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Satu laporan polis dibuat bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak semalam terhadap beberapa pihak yang didakwa sengaja menyembunyikan bukti material berkaitan transaksi wang berkaitan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan SRC International (SRC) ketika pemerintahan kerajaan Pakatan Harapan (PH).

Najib berkata, barisan peguamnya tidak mengetahui terdapat transaksi pemulangan dana RM65 juta berkaitan 1MDB diambil balik dari Singapura yang disimpan syarikat milik suami kepada bekas Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM).

Beliau turut mendakwa seorang lagi saksi utama pendakwaan dalam kes SRC dihadapinya juga menerima lebih RM85 juta, dana dikaitkan secara langsung dengan 1MDB.

“Pendedahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sekurang-kurangnya RM65 juta dana berkaitan 1MDB diambil balik dari Singapura yang disimpan syarikat milik suami kepada bekas Gabenor BNM adalah mengejutkan.

“Media turut melaporkan sebanyak RM700 juta dipindahkan ke akaun bank yang dikaitkan dengan bekas Gabenor BNM itu sejak tahun 2007 sehingga tahun 2013,” katanya di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Dang Wangi.

Ahli Parlimen Pekan itu, tiba



NAJIB Tun Razak keluar dari Ibu Pejabat Polis Daerah Dang Wangi selepas membuat laporan polis berhubung cubaan menyembunyikan bukti penting berkaitan 1MDB, semalam. - MINGGUAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI

di balai polis berkenaan kira-kira pukul 11.50 pagi dengan diiringi kenderaan polis pengiring.

Najib memberitahu, beliau turut kecewa dengan pendedahan bekas Peguam Negara, Tan Sri Tommy Thomas kelmarin yang dia menyedari transaksi sedemikian ketika memegang jawatan itu.

“Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang), Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar pula pada jawapannya di Parlimen Isnin

lalu berkata, polis dan pihak berkuasa hanya tahu dana berkaitan 1MDB yang diambil balik dari Singapura disimpan syarikat milik suami bekas Gabenor BNM pada 2019, kini sudah hampir penghujung 2021.

“Maklumat sedemikian tidak pernah dimaklumkan kepada saya dan pasukan undang-undang saya untuk digunakan dalam pembelaan di mahkamah walaupun maklumat itu menjadi bahan kepada pembelaan dalam kedua-dua kes SRC dan

1MDB saya,” jelasnya.

Minggu lalu, SPRM mendedahkan mereka berjaya mendapatkan semula aset dan dana dikaitkan dengan 1MDB berjumlah RM20.5 bilion.

Ini termasuk pemulangan aset bernilai AS\$15.4 juta (RM64.4 juta) membabitkan akaun Cutting Edge Industries LTD milik Tawfiq Ayman dan Samuel Goh.

Tawfiq ialah suami kepada bekas Gabenor BNM, Tan Sri Dr. Zeti Akthar Aziz, yang juga saksi dalam perbicaraan kes 1MDB.